

# UMS Aplikasi Sistem MyCPD

Oleh Salbinous Saribun



Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini menggunakan sistem MyCPD (Pembangunan Profesional Berterusan) bagi menilai tahap kecekapan dan prestasi kerja kakitangannya.

Naib Canselor Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata sistem baru itu diperkenalkan menggantikan sistem berasas peperiksaan dikenali sebagai Penilai Tahap Kecekapan (PTK) yang digunakan UMS sebelum ini.

Katanya, pelaksanaan sistem MyCPD di UMS akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat.

"Sebenarnya sistem MyCPD adalah keputusan pengubahsuaian sistem PTK berdasarkan pekeliling

perkhidmatan kerajaan di mana pengurusan universiti-universiti termasuk UMS secara kolektif bersetuju menggunakan sistem MyCPD, satu harta intelek Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai sebuah model pelaksanaan. Setakat ini, UMS adalah universiti ketiga menggunakan sistem baru itu selepas USM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan aplikasi sistem MyCPD di Dewan Resital UMS pada 13 Januari 2010. Turut hadir ialah Pendaftar UMS Abdullah Hj. Mohd Said, Prof dari USM Prof Dr Abdul Aziz Tajudin dan pegawai-pegawai UMS yang lain.

Secara perbandingan kepada PTK, Dr. Kamaruzaman berkata sistem MyCPD hanya akan menilai prestasi kakitangan berdasarkan mata kredit yang dikumpul

selepas mengambil kursus atau latihan yang berkaitan dengan jawatan masing-masing.

Di bawah sistem ini, katanya, terdapat mata kredit yang minimum yang perlu diperolehi oleh kakitangan dalam tempoh setahun untuk membolehkan mereka dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan gaji.

Beliau berkata kakitangan akan lebih bermotivasi kerana sistem baru itu akan mengalakkan peningkatan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan keupayaan.

Lebih 500 kakitangan akademik dan bukan akademik telah hadir bagi menjayakan majlis perasmian pelaksanaan sistem tersebut.